

## **PENGUMUMAN**

### **PEMAKLUMAN PENAMBAHBAIKAN BORANG MAKLUM BALAS DAN PERTANYAAN DALAM TALIAN**

Sukacita dimaklumkan bahawa satu kerjasama antara Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] dan Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah dilaksanakan dengan menambahbaik Borang Maklum Balas dan Pertanyaan Dalam Talian yang terdapat di Aplikasi Atas Talian JPA Pencen atau di pautan <https://feedbacks.kwap.my/>.

Platform layan diri ini kini lebih mudah dan sistematik malah boleh diakses pada bila - bila masa dengan ciri – ciri baharu seperti berikut:

- 1. Paparan soalan lazim disediakan bagi setiap perkhidmatan;**
- 2. Permohonan secara dalam talian kini boleh memuat naik sehingga 20 lampiran dokumen sokongan; dan**
- 3. Status pertanyaan, aduan atau permohonan kini boleh didapati secara dalam talian.**

Penambahbaikan ini bertujuan untuk memudahkan para pelanggan mendapatkan maklumat berkaitan persaraan atau menghantar sebarang aduan, penghargaan dan dokumen mengikut perkhidmatan yang disediakan.

Pelanggan digalakkan untuk menggunakan Borang Maklum Balas dan Pertanyaan Dalam Talian untuk menikmati kualiti perkhidmatan yang lebih cekap dan dipertingkatkan dalam talian untuk semua pertanyaan atau permohonan berkaitan urusan pencen mulai 1 November 2022.

Terima kasih.

*Tarikh: 11 November 2022*